

## Kelebihan Sebagai Juruaudit di Firma Audit Bersaiz Medium/Kecil Berbanding *The Big Four*

Oleh: Wan Mardiyatul Miza Wan Tahir & Ja'izah Abdul  
Jabar



Audit merupakan salah satu bidang dalam perakaunan. Sedari dahulu lagi, untuk mendapatkan pendedahan kerja atau memahami proses perakaunan dengan cepat, pelajar yang baru bergraduat digalakkan menjadi juruaudit di firma-firma audit berbanding lain-lain skop kerja dalam bidang perakaunan. Namun, kekurangan dalam bidang audit ni adalah dari segi gaji terutamanya firma audit yang bersaiz kecil. Di Malaysia, terdapat empat firma audit utama yang juga dikenali sebagai *The Big Four* iaitu Ernst & Young, Deloitte & Touche, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.

Pelajar-pelajar yang berjaya menyertai *The Big Four* adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang. The Big Four juga membuka peluang untuk staf mereka menyambung pelajaran di peringkat profesional seperti ACCA dan yuran ditanggung oleh pihak firma. Ada sesetengah firma audit medium/kecil di Malaysia yang menaja staf mereka dalam menyambung pelajaran namun agak kecil bilangannya. Ini adalah antara faedah kepada juruaudit yang bekerja di firma besar berbanding firma medium/kecil sedangkan beban kerja adalah hampir sama. Oleh yang demikian, timbul persoalan sama ada berbaloi untuk menyertai bidang audit di firma kecil atau pun tidak?



Ini adalah di antara kelebihan menyertai firma yang kecil:

1. Pendedahan audit kepada penyata kewangan bagi keseluruhan organisasi berbanding mengikut unit/seksyen/bahagian.  
Klien bagi firma audit besar adalah terdiri daripada syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Satu pasukan audit yang besar diperlukan, menjadikan pendedahan kepada seorang juruaudit adalah terhad kepada unit/seksyen sahaja. Berbanding klien audit bagi firma medium/kecil yang merupakan syarikat persendirian berhad mampu dilakukan oleh pasukan audit yang lebih kecil dan setiap juruaudit mendapat pendedahan keseluruhan perakaunan organisasi.

## 2. Fleksibiliti dalam kerja.

Audit adalah proses penyemakan dokumen-dokumen syarikat klien dalam penyediaan penyata kewangan syarikat mereka. Oleh sebab itu, bagi firma besar yang klien mereka juga merupakan syarikat besar, juruaudit perlu melakukan temu janji untuk hadir ke syarikat mereka bagi menjalankan proses audit. Manakala, klien firma audit medium/kecil pula hanya memerlukan beberapa kotak fail-fail dan dokumen yang dihantar terus ke firma audit tanpa perlu menetapkan temu janji untuk tujuan audit. Jadi, juruaudit bagi firma medium/kecil mampu menawarkan lebih banyak fleksibiliti dari segi keseimbangan kerja dan kehidupan dan pengaturan waktu kerja.



## 3. Persekitaran kerja yang lebih mesra dan hubungan erat sesama rakan sekerja

Firma bersaiz medium atau kecil biasanya mempunyai bilangan staf yang tidak ramai menjadikan setiap staf saling mengenali dan bekerjasama. Bukan sahaja sesama rakan sekerja di bahagian audit, malahan saling mengenali staf di bahagian percukaian dan setiausaha syarikat. Staf boleh memanfaatkan perkongsian maklumat dengan bahagian-bahagian lain bagi perkembangan kerjaya contohnya dalam mendapatkan lesen audit dan lain-lain. Selain itu, setiap juruaudit juga berpeluang bertemu rakan kongsi atau dikenali sebagai *partner* firma tersebut bagi perbincangan berkaitan proses audit klien. Persekitaran kerja ini mungkin tidak dapat dirasai di firma audit yang besar memandangkan staf yang ramai dan setiap staf mempunyai peringkat pelaporan.

Sebagai penutup, setiap pekerjaan walau ada kelebihan dan kekurangannya, Islam menggalakkan umatnya untuk bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Ini adalah kerana, bekerja merupakan cara untuk mendapatkan rezeki.

Di dalam al-Qur'an Allah SWT telah berfirman:

وَقُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللّٰهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ

Al-Taubah:105

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan.”